



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD, 07 OGOS 2022	
1.	Belum ada tarikh tarik balik sekatan eksport ayam
2.	'No date set yet for end of export ban'
3.	Amaran kepada kartel ayam
4.	Puteh, Pokjak tumpuan di Laman Ternakan

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.08.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Belum ada tarikh tarik balik sekatan eksport ayam

Kuching: Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh bagi menarik balik sekatan pengeksportan ayam, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Bellau berkata, sebagai sebuah industri yang besar, sebarang keputusan mengenai perkara itu perlu pertimbangan semua pihak.

"Perkara ini sudah dibincangkan di peringkat Kabinet sebelum ini. Sebarang kepu-

tusan mengenai perkara ini akan diumumkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta kementerian berkaitan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas membuat tinjauan ke pameran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Sarawak di sini, semalam, Alexander berkata, buat masa ini, bekalan ayam pada peringkat domestik berada pada paras mencukupi.

"Kita difahamkan untuk ayam ada lebih bekalan, wa-

laupun ada harga maksimum kita dapati ayam dijual jauh lebih rendah daripada harga maksimum di banyak tempat," katanya.

Pada 4 Ogos lalu, Menteri

Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata sekatan pengeksportan ayam pedaging hidup yang masih berkuat kuasa adalah bersifat sementara,

iaitu sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sepenuhnya.

Ronald berkata, kerajaan juga sedar peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan kos makanan ternakan dan pemberhentian eksport memberi kesan kepada pulangan penternak.

Katanya, kerajaan turut ber-setuju memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur berjumlah RM1.1 bilion bagi meringankan beban penternak ayam. BERNAMA

Sebagai sebuah industri yang besar, sebarang keputusan perlu pertimbangan semua pihak



Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.08.2022	NEW SUNDAY TIMES	NATION	2



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (right) attending the Sarawak edition of Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia at the Sarawak State Stadium, yesterday. PIC TAKEN FROM DATUK SERI ALEXANDER NANTA LINGGI'S FB PAGE

COMMERCIAL BROILERS

'NO DATE SET YET FOR END OF EXPORT BAN'

Matter discussed by cabinet, any decision needs to take into account interests of all parties, says minister

KUCHING

THE government has yet to set a date to lift the ban on chicken exports, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. However, he said the matter had been previously discussed by the cabinet.

In a Bernama report, Nanta said any decision on the matter must take into account the interests of all parties.

"Any decision will be announced by the Agriculture and Food Industries Ministry, as well as related ministries," he said at the Sarawak edition of Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, here, yesterday.

He said there was now sufficient supply of chicken for do-

mestic consumption.

"We also found that some traders are selling chicken lower than the set (maximum) price."

On Aug 4, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiang said the export ban on commercial broilers was temporary and would last until the price and production of chickens fully stabilised.

He said the government was aware of the increasing cost of chicken production due to the rising cost of animal feed and cessation of exports.

In this regard, he said the government agreed to give subsidies of RM1.1 billion to broiler chicken and egg-laying chicken breeders. Separately, Nanta's deputy said the government would continue to monitor the five companies that were allegedly engaged in anti-competitive agreements.

Datuk Rosol Wahid said the Malaysian Competition Commission (MyCC) conducted an investigation, which led to the discovery of the five companies.

"At the ministry level, we see that the buffer stock method can control prices, thus it will be expanded to several other products to ensure that rising prices can be controlled," he told a press conference in conjunction with

the inauguration of NY Steak Shack Franchise's rebranding at a shopping complex, here, yesterday.

Rosol added that the ministry would build stockpiles and welcomed the participation of more industry players and entrepreneurs to encourage healthier competition and provide more options for consumers.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob earlier warned cartels that tried to manipulate the prices and markets of agricultural products.

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail, in a press conference, had revealed that the five chicken feed millers had violated Section 4 of the Competition Act 2010 by engaging in anti-competitive agreements. He said the companies were found to have increased the price of chicken feed in the country.

"Preliminary investigations showed that these companies were sharing sensitive trade information, which had the potential to disrupt competition in the market."

"By fixing the same price quantum, it reduced and limited the options of poultry suppliers among consumers," he said on Friday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.08.2022	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Amaran kepada kartel ayam

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
ariman.asrol@mediamulla.com.my

SERDANG: Kerajaan tidak akan membiarkan kartel ayam menjejaskan rangkaian bekalan makanan sehingga menyebabkan berlaku kenaikan harga barang dan inflasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan sentiasa berusaha dalam menangani manipulasi 'orang tengah' dan kewujudan kartel dalam sektor industri bekalan makanan.

"Ini amaran kerajaan terhadap kartel yang cuba memanipulasi harga dan pasaran. Beberapa langkah intervensi telah dilaksanakan kerajaan bagi mengukuhkan bekalan makanan negara.

"Antaranya membatalkan kelulusan kuota import (AP), melaksanakan sekatan eksport ayam, mewujudkan stok penimbun ayam dan ikan," katanya semasa merasmikan Pameran



ISMAIL Sabri Yaakob melawat pameran MAHA 2022 di Serdang, Selangor, semalam. - MINGGUAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan 2022 (MAHA 2022), di sini, semalam.

Utusan Malaysia sebelum

ini pernah melaporkan tentang kartel ayam yang cuba memanipulasi harga dengan mencatu bekalan sumber makanan

utama itu melalui penutupan ladang serentak.

Ismail Sabri berkata, melalui langkah intervensi itu juga kerajaan julung kalinya memberi subsidi kepada golongan penternak ayam bagi meringankan beban golongan tersebut.

"Buat pertama kalinya kerajaan memberikan subsidi berjumlah RM1.1 bilion bagi meringankan beban penternak ayam sekali gus memastikan bekalan pengeluaran ayam dan telur mencukupi serta menjamin kestabilan," jelasnya.

Tambahnya, langkah-langkah yang diambil selama ini membuahkan hasil apabila bekalan ayam bukan sahaja berlebihan tetapi harga turun.

"Hari ini bukan bekalan ayam sahaja berlebihan bahkan harga ayam juga lebih rendah daripada paras harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.08.2022	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Puteh, Pokjak tumpuan di Laman Ternakan


SERDANG: Kemanjaan dua ekor lembu sado yang dibawa dari Kelantan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 menarik perhatian ramai pengunjung terutamanya kanak-kanak untuk melihat haiwan tersebut dengan lebih dekat.

Lembu yang diberi nama Puteh dan Pokjak masing-masing berusia empat dan tiga tahun itu bukan sahaja jinak dan manja, malah mempunyai warna yang menarik.

Menurut pengusaha ternakan Army Fidlot, Mohd. Amirul Amin Ismail, Puteh merupakan lembu sado daripada baka Charolais manakala Pokjak pula daripada baka Limousin yang masing-masing mempunyai berat sekitar 900 kilogram.

"Berat badan Puteh sebelum ini pernah mencecah sehingga satu tan tetapi kita berjaya kurangkan berat badannya supaya tidak terlalu obes bagi mengelak terkena penyakit atau sukar untuk bangun.

"Pengurusan lembu dari



LEMBU sado baka Charolais seberat 900 kilogram yang dipamerkan di Laman Ternakan pada Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022. - MINGGUAN/FARIZ RUSADIO

baka hibrid seperti ini juga perlu lebih teliti terutamanya dari segi penjagaan, pemakanan, vaksin dan pemberian vitamin," katanya ketika ditemui di Laman Ternakan, Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini

semalam.

Mohd. Amirul turut menyifatkan lembu hibrid tersebut sebagai baka paling seronok untuk dijaga walaupun memerlukan kos yang tinggi dari segi penjagaan.

Katanya lagi, sehingga kini penternakan yang diusahakan keluarganya di Pasir Hor, Kota Bharu itu mempunyai sebanyak 20 ekor induk lembu hibrid dari kedua-dua jenis baka berkenaan.